

Jadi contoh terbaik laksana tanggungjawab

Sinar 15/05/2010 M/S 310



● Arjunaidi menyematkan lencana pada salah seorang anggota.

PETALING JAYA - Semua anggota yang dinaikkan pangkat perlu mempunyai komitmen dan bersedia memikul tanggungjawab yang lebih berat.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed berkata, komitmen termasuk melakukan terbaik demi pasukan.

Menurutnya, anggota ini perlu menjadi contoh dan tauladan kepada yang lain termasuk menjadi seorang

ketua atau tempat anggota bawahan menjadi rujukan.

"Sebagai pemimpin bagi anggota bawahan, sekiranya anda tidak memainkan peranan dengan baik, saya tidak akan teragak mengambil tindakan ke atas anda.

"Perlu lebih komited dalam menjalankan tugas, malah perlu sentiasa efisien dan bijak berkomunikasi sekali gus menjadi penyelesaian jika sekiranya rakan mahupun anggota bawahan mempunyai masalah.

"Anda semua harus bijak dalam bertindak atau membuat keputusan termasuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan, berketerampilan dan mempunyai ciri sebagai pemimpin bagi anggota bawahan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pemakaian Lencana Anggota Pangkat Rendah di IPD Petaling Jaya.

Dalam pada itu, seramai 19 anggota dari pelbagai cawangan menerima kenaikan pangkat pada majlis itu.